



EON Inspirasi
Edisi Dr. Nor'aishah Abu Shah

Rahsia Lebah
Sains vs Alquran

Warisan Semulajadi Geologi
Hubungan dengan Flora dan Fauna

Basic Navigation in Forest
Tips and tricks







ISSN 2773-5869



9 772773 586005



Perspektif

MEMBINA KERJASAMA UNTUK KESEIMBANGAN EKOSISTEM: KOLABORASI MASYARAKAT DAN UNIVERSITI DALAM PROJEK SULAM

Oleh

Farafazliani Mohamed, Norrina Din, Nur
Syahira Bibit dan Muhammad Shakir Bin
Zulkafli

Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan,
Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau
Pinang Kampus Permatang Pauh, 13500
Permatang Pauh, Pulau Pinang

faraf058@uitm.edu.my

EDITOR: NURSYAZNI ABDUL RAHIM

Service-Learning Malaysia-University for Society atau singkatannya **SULAM**, merupakan salah satu inisiatif dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran di peringkat universiti. Gabungan kaedah pengajaran ini melibatkan pelajar, pensyarah dan masyarakat setempat. Objektifnya ialah untuk meningkatkan interaksi berkesan di kalangan masyarakat, mengenal pasti masalah dan memberi solusi terbaik terhadap masalah tersebut serta mengaplikasikan teori dalam pelajaran kepada situasi sebenar.

Oleh itu, atas inisiatif ini, beberapa orang pensyarah dari Fakulti Pengurusan Hotel dan Pelancongan, UiTM Cawangan Pulau Pinang telah menjayakan projek **SULAM** bersama masyarakat setempat di Taman Haji Mohd Amin, Pulau Pinang pada 27 Mei 2023.

Projek ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kesejahteraan komuniti melalui sumbangan idea, ilmu, dan kemahiran, namun yang lebih penting lagi adalah untuk mencapai **Matlamat Pembangunan Mampan** atau **Sustain Development Goal (SDG)**. Projek **SULAM** ini memberi impak positif kepada Masyarakat serta unsur ekosistem terutamanya haiwan melalui aktiviti penanaman pokok kelapa.

SDG 1- Manfaat kepada masyarakat setempat

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang pertama, iaitu **Membasmi Kemiskinan**, memainkan peranan kritikal dalam menyediakan kehidupan yang lebih baik untuk masyarakat yang terpinggir. Dalam konteks projek **SULAM**, inisiatif untuk mengatasi kemiskinan dan memberi manfaat kepada masyarakat setempat adalah nyata dan memberangsangkan.

SDG 1 menyerlahkan betapa pentingnya usaha mengurangkan kadar kemiskinan Masyarakat dengan cara yang kekal. Projek **SULAM** telah menterjemahkan prinsip ini kepada tindakan nyata dengan memanfaatkan potensi tumbuhan kelapa. Penanaman kelapa bukan hanya bertujuan memulihara alam semula jadi, tetapi juga turut memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk menjana pendapatan tambahan.

Melalui penanaman kelapa, masyarakat setempat diberikan akses kepada sumber pendapatan alternatif yang berpotensi memberikan manfaat jangka masa panjang. Peningkatan taraf hidup bukan sekadar menjadi impian, tetapi mampu menjadi kenyataan. Projek penanaman kelapa ini juga dapat membantu dalam mewujudkan peluang untuk mereka menjadi usahawan.



Gambar 1: Projek ini membuka pintu kepada lebih banyak pengetahuan, kesedaran, dan kolaborasi di kalangan semua pihak yang terlibat.

Sebagai sumber yang sohor produktif, kelapa membuka peluang dalam penghasilan produk-produk bernilai tambah seperti minyak kelapa, produk makanan, dan produk penjagaan kulit. Ini membentuk landasan yang kukuh bagi pertumbuhan ekonomi komuniti tempatan, yang sejajar dengan **SDG 8** (Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi).

Menggalas tanggungjawab terhadap SDG

Sejajar dengan **SDG 15** (Kehidupan Darat yang Mampan), telah menjadi model contoh tentang bagaimana masyarakat setempat, universiti, dan pihak berkepentingan dapat bersatu demi menjaga kelestarian alam. Melalui penanaman kelapa, projek ini membantu mengekalkan habitat haiwan dan hutan, sekaligus menyokong **SDG 13** (Tindakan Iklim) dengan mengurangkan kesan perubahan iklim.

Dalam era ketidakstabilan ekologi dan kebimbangan akan masa depan alam semula jadi, keperluan untuk memelihara kehidupan darat yang mampan adalah satu cabaran serius.

Dalam konteks ini, **SULAM** memainkan peranan yang penting sebagai model terperinci tentang bagaimana kepentingan bersama dalam masyarakat, universiti, dan pihak berkepentingan boleh menyatu padu untuk menjaga kelestarian alam.

SDG 15, juga dikenali sebagai *Life on Land*, membincangkan perlunya pelestarian ekosistem darat, termasuk kepelbagaian biologi dan habitat haiwan. Penanaman kelapa sebagai satu tindakan taktikal menunjukkan bagaimana usaha kecil boleh memberikan kesan yang besar.



Gambar 2: Ketika aktiviti penanaman pokok kelapa dijalankan.

Ia bukan sahaja sekadar membantu mengekalkan habitat haiwan dan hutan, tetapi juga melibatkan semua unsur dalam satu tindakan yang berkesan untuk melawan perubahan iklim. Penanaman kelapa, selain dari memberi perlindungan terhadap tanah dan habitat semulajadi, juga mengurangkan kadar karbon dioksida dalam udara, dengan sendirinya menjadikannya sokongan terhadap SDG 13, yang berkaitan dengan Climate Action atau perubahan iklim.

Menghubungkan diri dengan alam semulajadi

Dalam suasana urbanisasi yang semakin meluas, Projek **SULAM** membangkitkan semangat untuk menghubungkan manusia dengan alam semula jadi. Masyarakat setempat, melalui kolaborasi dengan universiti, terlibat dalam usaha memulihara hutan dan habitat haiwan, memberikan kontribusi berharga kepada **SDG 17** (Kerjasama bagi Pelaksanaan SDG).

Mengilhami generasi masa depan

Keberhasilan projek ini memberikan inspirasi kepada pelajar universiti dan masyarakat setempat. Melalui penyelidikan dan pendidikan, projek ini memainkan peranan penting dalam melahirkan generasi yang prihatin terhadap kelestarian haiwan, hutan, dan alam.

Projek **SULAM** adalah bukti yang jelas bahawa kerjasama antara universiti dan masyarakat setempat tidak hanya memberikan faedah kepada alam semula jadi, tetapi juga membentuk perubahan sosial yang positif. Dengan penumpuan pada kerjasama untuk mencapai SDG, projek ini menggambarkan bagaimana usaha bersama-sama dapat menyatukan manusia dengan alam semula jadi dalam era urbanisasi yang mencabar. Ini merupakan seruan kepada semua pihak untuk terlibat dalam usaha pemeliharaan alam demi menjaga kekayaan semula jadi bagi generasi akan datang.